

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN  
[ KINABATANGAN ]**

**TARIKH : 26 OKTOBER 2021 [ SELASA]**

**SOALAN**

**DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN [ KINABATANGAN ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian dalam usaha meningkatkan keselamatan dalam bandar terutama dalam penyediaan Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV) secukupnya di kawasan bandar khususnya di Sandakan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bertanggungjawab mengurus dan menyelenggara 968 unit Kamera Litar Tertutup (CCTV) di 45 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah Program Bandar Selamat yang melibatkan peruntukan berjumlah RM110.9 juta untuk tempoh mulai tahun 2013 hingga 2022. Pemasangan CCTV dilaksanakan di lokasi *hotspot* yang disarankan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Bagi tahun 2021, sejumlah RM16.5 juta telah diluluskan kepada KPKT bagi tujuan pengurusan dan penyelenggaraan 968 unit CCTV tersebut.

Jumlah pemasangan CCTV di Majlis Perbandaran Sandakan (MPS) adalah sebanyak 20 unit yang termasuk penyediaan peralatan/perkakasan untuk menyokong pengoperasian CCTV di bilik kawalan PBT dan bilik kawalan Ibu Pejabat Polis DiRaja Malaysia Daerah Sandakan. Tempoh sewaan MPS ini bermula dari 3 Disember 2015 sehingga 30 Jun 2021.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kadar jenayah di Daerah Sandakan didapati telah menurun sebanyak 12% iaitu daripada 608 kes pada tahun 2019 kepada 530 kes pada tahun 2020 berdasarkan statistik jenayah yang diperolehi daripada Ibu Pejabat Polis DiRaja Malaysia Daerah Sandakan. Berdasarkan perkembangan ini, KPKT akan meneruskan kerjasama dengan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) untuk mengenal pasti kawasan *hotspot* baharu bagi memastikan impak positif pemasangan CCTV ini berterusan bagi mengurangkan kadar jenayah di kawasan PBT.

Sekian, terima kasih.